

07/09/1998

Kelantan anggap kesalahan mungkin terlalu serius

KOTA BHARU, Ahad - Badan Perhubungan Umno Kelantan menyifatkan pemecatan bekas Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim daripada Umno mungkin beliau ada melakukan sesuatu kesalahan yang amat serius.

Timbalan Pengerusinya, Datuk Annuar Musa berkata, berdasarkan dakwaan terhadap beliau (Anwar), parti perlu membuat pertimbangan sewajarnya bagi menjaga keutuhan parti selain mengikut prosedur undang-undang dan keputusan yang ditentukan mahkamah.

"Dalam soal ini (dakwaan terhadap Anwar) adalah sesuatu yang amat serius sehingga menyebabkan parti terpaksa mengambil tindakan memecatnya daripada parti.

"Majlis Tertinggi (MT) sebagai badan tertinggi parti membuat keputusan itu sudah pasti mempunyai alasan yang kukuh," katanya selepas Pelancaran Jentera Pilihan Raya Barisan Nasional (BN) Parlimen Peringat yang dirasmikan Ketua Menteri Melaka, Datuk Seri Abu Zahar Isnin, di Kem Pusat Ukhuwah Tarbiah dan Riadah Rakyat (Putra), di Kampung Chengal, dekat sini hari ini.

Beliau berkata demikian ketika diminta mengulas mengenai pemecatan Anwar daripada Umno dan kedudukannya dalam kerajaan sebagai Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan.

Selain pemecatan itu, satu affidavit yang difailkan di Mahkamah Tinggi Kuala Lumpur mendakwa Anwar melakukan hubungan seks dengan wanita pelbagai bangsa dan cuba memikat isteri orang.

Selain itu, beliau juga didakwa menerima RM60 juta daripada Pengarah Eksekutif Perhubungan Awam Magnum Corporation Berhad, Datuk Nallakaruppan Solaimalai, ketika pilihan raya umum 1995.

Anwar dipecat daripada Umno menerusi keputusan sebulat suara MT Umno, dalam satu mesyuarat khas malam Sabtu lalu.

Annuar berkata, Umno Kelantan menyokong keputusan MT sebagai badan tertinggi parti dan tetap berdiri teguh di belakang Presiden parti, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dalam menangani isu berkenaan.

Menurutnya, seluruh ahli Umno di Kelantan harus menerima kenyataan ini dengan tenang dan matang.

"Ahli Umno Kelantan pasti menaruh keyakinan penuh terhadap keputusan yang dibuat MT dan berdiri teguh di belakang Presiden parti.

"Apa yang penting kita (ahli Umno) tidak boleh utamakan kepentingan peribadi tetapi keutuhan parti agar terus kukuh," katanya.

Sementara itu, berucap pada majlis itu, beliau berkata, Umno sudah melalui pelbagai liku perjuangan pahit manis termasuk pernah kehilangan Presiden parti, Naib Presiden dan Ketua Pemuda kerana pelbagai sebab termasuk mereka yang mengikut haluan sendiri membabitkan rasa tidak puas hati.

Katanya, pada masa sama juga sejarah turut membuktikan Umno sebuah parti yang sentiasa mendokong dan menegakkan keadilan demi keutuhan parti yang menjadi payung perjuangan orang Melayu di negara ini.

(END)